

Headline	Ulu Tembeling dapat elektrik lebih baik		
MediaTitle	Berita Harian (Johor)		
Date	24 May 2013	Color	Full Color
Section	News	Circulation	231,163
Page No	N2	Readership	1,368,000
Language	Malay	ArticleSize	238 cm ²
Journalist	Nazirul Roselan	AdValue	RM 5,329
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,988



Ulu Tembeling dapat elektrik lebih baik

» TNB peruntuk RM4.6 juta pasang set generator berkuasa 80 kw, 500 kw

Oleh Nazirul Roselan

► Jerantut

Lebih 2,000 penduduk kawasan pedalaman Ulu Tembeling, dekat sini akan menikmati bekalan elektrik yang lebih baik menjelang pertengahan tahun depan.

Pengurus Besar Kanan Operasi

Wilayah 2 Tenaga Nasional Berhad (TNB), Ir Abdul Aziz Abdul Majid, berkata pihaknya memperuntukkan RM4.6 juta bagi memasang set generator berkuasa 80 kilowatt (kw) dan 500 kw di kawasan itu.

Beliau berkata, ia juga sejajar dengan usaha kerajaan untuk memastikan kawasan pedalaman berhampiran Taman Negara seperti Kampung Pagi, Kampung Bantal dan Kampung Mat Daling turut menikmati kemudahan asas seperti kawasan lain.

“Kita yakin pemasangan generator baru di Ulu Tembeling ini mampu memberi perkhidmatan bekalan elektrik lebih baik kepada penduduk kampung tradisional di sekitarnya,” katanya selepas merasmikan majlis pelancaran Speed Team TNB, dekat sini.

Hadir sama, Pengurus Besar TNB Negeri Pahang, Datuk Sharuddin Mohd Simin dan Pengurus TNB Cawangan Jerantut, Redzuan Zainal Abidin.

Selain itu, Abdul Aziz berkata, Speed Team yang mula diwujudkan Mac lalu dengan empat kawasan dijadikan sebagai projek rintis iaitu Pulau Pinang, Kuala Pilah, Jerantut dan Kuala Lumpur Barat.

Kampung terpencil

Beliau berkata, daerah ini dipilih sebagai antara projek rintis kerana kawasan pedalaman dan mempu-

nyai banyak perkampungan terpencil di kawasan pedalaman.

“Kita mahu lihat keberkesanan Speed Team ini di bandar dan pedalaman. Kumpulan ini ditubuhkan bagi membolehkan bekalan elektrik yang terputus mampu diatasi dalam tempoh 30 minit.

“Di Jerantut ini, kita akan menyediakan kenderaan empat pacuan empat roda yang mana ia mampu mengharungi kawasan berbukit bukau.

“Kita ada tujuh pasukan bagi daerah ini dengan tiga ahli bagi setiap pasukan yang bekerja 24 jam mengikut kumpulan masing-masing,” katanya.

Selain itu, TNB juga mahu memastikan pengguna di Taman Negara, dekat sini, sentiasa mendapat perkhidmatan bekalan elektrik yang terbaik kerana ia adalah pusat pelancongan terkemuka dalam negara.



Abdul Aziz mencuba kendaraan yang akan digunakan skuad Speed Team di TNB Jerantut.

[FOTO NAZIRUL ROSELAN/BH]